

TINJAUAN KECENDERUNGAN PELAJAR PINTAR, CERDAS DAN BERBAKAT DALAM SUBJEK SEJARAH MALAYSIA

OVERVIEW OF GIFTED AND TALENTED STUDENTS' TENDENCY IN HISTORY OF MALAYSIA

Nurul Hafizah Ma'arof¹
Nurul Suzaina Joli²
Nur Nadia Lani³

¹Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. nurhafiedz83@yahoo.com

²Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia.
nurul_sues87@yahoo.com

³Pusat PERMATApintar® Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. nadiah_lani@ukm.edu.my

Accepted date: 06-05-2018

Published date: 15-12-2018

To Cite This Document: Ma'arof, N. H., Joli, N. S., & Lani, N. N. (2018). Tinjauan Kecenderungan Pelajar Pintar, Cerdas dan Berbakat dalam Subjek Sejarah Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (20), 51-64.

Abstrak: Kajian ini bertujuan untuk melihat kecenderungan pelajar pintar, cerdas dan berbakat (PCB) berasaskan jantina dalam subjek Sejarah Malaysia di Kolej PERMATApintar® Negara. Seramai 44 orang responden telah dipilih secara bertujuan (*purposive*) bagi memenuhi keperluan kajian. Kesemua responden terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan Asas 2 yang berumur dalam lingkungan 12-14 tahun. Instrumen *skala likert* telah digunakan bagi melihat item-item yang mempengaruhi kecenderungan pelajar (PCB) dalam subjek Sejarah Malaysia antaranya minat pelajar, sikap pelajar, pengaruh instruktur dan penglibatan ibubapa. Hasil dapatan kajian ini, majoriti para pelajar bersetuju bahawa item pengaruh instruktur memainkan peranan penting dalam menarik minat para pelajar dalam mendekati subjek ini dengan lebih berkesan. Selain itu, tiada perbezaan yang ditunjukkan di antara pelajar yang berlainan jantina dalam item minat dan sikap pelajar serta pengaruh instruktur. Berbeza dengan penglibatan ibubapa, ianya jelas menunjukkan bahawa wujud perbezaan di antara pelajar lelaki dan perempuan. Manakala bagi kecenderungan pelajar terhadap subjek Sejarah Malaysia bagi pelajar yang berlainan umur, ianya sama sekali tidak menunjukkan apa-apa perbezaan di antara umur mereka.

Kata Kunci: Pelajar Pintar, Cerdas dan Berbakat, Minat, Sikap, Instruktur, Ibubapa

Abstract: *This study aims to see the trend of gender-based, smart and talented students in the History of Malaysia at the PERMATApintar® National College. A total of 44 respondents were selected purposively to meet the needs of the study. All respondents were male and female students aged 12-14 years old. Likert scale instruments were used to view items affecting students' interest in Malaysian History subject such as student interest, student attitudes, influence of instructors and parents' involvement. As a result of this study, the majority of students agree that items of influence of instructors play an important role in attracting students to approach this subject more effectively. In addition, there is no difference between students of different sexes in interest items and students' attitudes and influence of instructors except parents' involvement, clearly showing differences between male and female students. Meanwhile, for the students' interest in Malaysian History for different age students, it does not show any difference between their ages.*

Keywords: *Gifted and Talented Students, Interest, Attitude, Instructor, Parent*

Pengenalan

Pelajar pintar, cerdas dan berbakat (PCB) mempunyai keunikan yang berbeza berbanding pelajar-pelajar yang lain. Menurut Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak & Melor Mohd Yunus (2009), istilah PCB umumnya merujuk kepada para pelajar yang berpotensi untuk cemerlang dalam bidang-bidang tertentu. Para pelajar (PCB) mempunyai daya kognitif yang tinggi berdasarkan kepada pencapaian *IQ Test* mereka sebelum diterima masuk ke Kolej PERMATApintar® Negara. Tidak hairanlah sekiranya pihak luar melihat adakalanya pelajar yang usianya lebih muda dari umur kebiasannya memasuki Asas 1 di Kolej PERMATApintar® Negara yang mana jika di sekolah aliran perdana, umur yang layak untuk memasuki Tingkatan Satu adalah mereka yang berumur 13 tahun. Keberadaan mereka di sini merupakan peluang yang tidak harus dilepaskan kerana persekitaran pembelajaran yang begitu kondusif dan amat memberangsangkan dapat membantu para pelajar PCB untuk melonjakkan lagi potensi yang ada ke tahap yang lebih optimum khususnya mereka yang berasal dari keluarga yang sederhana mahupun miskin. Bagi mereka yang berasal dari keluarga yang miskin, pendidikan yang mereka lalui hanya untuk melepasi keperluan asas sahaja berbanding mereka yang berasal dari keluarga yang berada, mereka lebih beruntung kerana mendapat pendidikan yang lebih sempurna dan lengkap. (Rosadah Abd Majid, Noriah Mohd Ishak & Melor Mohd Yunus, 2009)

Dalam dunia pendidikan hari ini, banyak aspek yang diperhatikan antaranya keunikan yang ada pada pelajar lelaki dan perempuan. Ianya seringkali menjadi perbincangan di kalangan ilmunan terutamanya yang melibatkan pencapaian mereka di dalam sesuatu bidang atau manamana bidang yang didominasi oleh mereka. Secara umumnya, jantina tertentu secara fitrahnya samada fizikal ataupun emosi mampu untuk menguasai bidang-bidang tertentu atas fitrah yang mereka ada. Oleh yang demikian, penelitian terhadap kecenderungan pelajar PCB Asas 2 berasaskan jantina juga menjadi tunjang utama dalam perbincangan ini kerana subjek Sejarah Malaysia bukanlah subjek yang digemari oleh para pelajar PCB Asas 2 berbanding dengan subjek matematik yang selalunya menjadi subjek kegemaran malahan mendapat *score* markah tertinggi di kalangan mereka. Malahan subjek ini juga menuntut kesabaran serta minat yang tinggi terutamanya dalam aspek membaca, meneliti, serta menganalisa maklumat yang mana secara umumnya pelajar lelaki dan perempuan mempunyai kekuatan dan kelebihan yang berbeza-beza.

Pernyataan Masalah

Umum mengetahui bahawa subjek Sejarah Malaysia dianggap penting kerana ianya memandu para pelajar dalam mengenali asal-usul negara dari awal sehinggalah Malaysia mencapai kemerdekaan. Malahan, subjek ini juga penting dalam membentuk jati diri pelajar yang sebenar. Walau bagaimanapun, subjek ini tidaklah dipandang serius oleh para pelajar PCB Asas 2 berbanding subjek sains dan matematik yang mana menjadi kayu ukur para pelajar dalam membina karier profesional di masa hadapan.

Tujuan Kajian

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengukur kecenderungan pelajar PCB Asas 2 dalam subjek Sejarah Malaysia dengan mengambil kira faktor luaran dan juga dalaman antaranya sikap dan minat pelajar, pengaruh instruktur dan penglibatan ibu bapa. Bagi tujuan ini, beberapa objektif telah dikenal pasti.

Objektif Kajian

1. Mengkaji kecenderungan para pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia dari aspek minat, sikap, pengaruh instuktur, dan ibubapa.
2. Menilai perbandingan tahap kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan jantina terhadap subjek Sejarah Malaysia.
3. Menganalisa perbezaan hubungan di antara kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur terhadap subjek Sejarah Malaysia.

Hipotesis Kajian

H₀: Tidak terdapat kecenderungan yang signifikan bagi para pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia samada dari aspek minat, sikap, pengaruh instruktur, dan ibubapa.

H₀: Tidak terdapat perbandingan yang signifikan mengenai tahap kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan jantina terhadap subjek Sejarah Malaysia.

H₀: Tidak terdapat perbezaan hubungan yang signifikan di antara kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur terhadap subjek Sejarah Malaysia.

Kerangka Konsep Kajian


Berdasarkan kerangka konseptual kajian dalam rajah 1.1 fokus diberikan kepada kecenderungan pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia di Kolej PERMATApintar® Negara. Kerangka konseptual kajian ini mengemukakan minat dan sikap pelajar serta peranan instruktur dan penglibatan ibubapa sebagai pemboleh ubah tidak bersandar yang menguasai kecenderungan, jantina, dan umur para pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek tersebut.

Dalam kajian ini, kecenderungan pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek ini dilihat sama ada dapat dipengaruhi oleh sikap dan minat pelajar yang positif atau negatif. Seandainya sikap dan minat yang positif memandu mereka, maka pembelajaran akan lebih mudah dan berkesan berbanding dengan sikap serta minat yang negatif. Sikap dan minat negatif di kalangan para pelajar kebarangkaliannya wujud memandangkan mereka ini terdiri daripada para pelajar yang kategori kohort umurnya berbeza walaupun berada dalam aras pembelajaran yang sama.

Malahan, jantina yang berbeza di kalangan mereka juga dilihat bakal mewujudkan jurang yang besar memandangkan kemahiran dan kelebihan yang ada pada setiap jantina dilihat dapat melonjakkan lagi potensi mereka dalam subjek tersebut.

Di samping itu, peranan instruktur dalam membina keyakinan dan minat para pelajar untuk mempelajari subjek tersebut juga dinilai berdasarkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan sama ada di dalam mahupun di luar kelas. Malahan, kreativiti para instruktur dalam menyediakan bahan pengajaran yang terbaik dalam menarik perhatian para pelajar juga dikaji bagi melihat penerimaan para pelajar yang berlainan jantina serta umur. Selain itu, penglibatan ibubapa sebagai pelengkap dalam membina semangat para pelajar juga dinilai bagi melihat komitmen ibubapa termasuklah galakan dengan menyediakan bahan pembelajaran yang terbaik mahupun nasihat yang bakal menjadi inspirasi para pelajar PCB Asas 2 sepanjang mempelajari subjek tersebut di kolej.

Dengan adanya kerangka teori ini sebagai rujukan kajian, kecenderungan para pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia dari aspek sikap, minat, peranan instruktur dan penglibatan ibubapa dapat diperhalusi semula bagi memastikan para pelajar yang berlainan jantina dan umur dapat memaksimumkan pembelajaran mereka dalam subjek ini. Di samping itu, peranan instruktur juga dapat ditambah baik bagi memastikan para pelajar mendapat manfaatnya baik dari segi pengajaran di dalam mahupun di luar kelas. Di samping itu, penglibatan ibubapa berbentuk material mahupun sumbangan idea yang membangun amatlah diperlukan bagi memastikan keberkesanan pembelajaran di kolej.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian

Sorotan Literatur

Dalam kajian Abu Yazid Abu Bakar (2017), dalam banyak perkara yang dibincangkan oleh pihak kemeterian, isu pelajar pintar, cerdas, dan berbakat (PCB) amat kurang diberi perhatian. Oleh yang demikian, penubuhan Pusat PERMATApintar® Negara yang merupakan sebuah sekolah di dalam universiti awam di Malaysia iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia bertujuan bagi menyediakan kurikulum yang bersesuaian dengan pelajar (PCB). Menurut Siti Fatimah Mohd Yassina, Noriah Mohd Ishak et. al. (2012), pemilihan para pelajar dari seluruh Malaysia bagi mengikuti program di Pusat PERMATApintar® Negara, UKM amatlah ketat dengan melalui beberapa saringan iaitu UKM 1 dan UKM 2, (secara online) dan UKM 3 (perkhemahan cuti sekolah) bagi memastikan pelajar yang terpilih ke sekolah yang berkonsepkan asrama ini adalah yang betul-betul layak.

Dalam kajian Oppong, C.A. (2013), beliau melihat kecenderungan para pelajar perempuan dalam subjek Sejarah mempunyai sebab-sebab yang tertentu antaranya mereka memiliki

kemahiran yang baik dalam aspek membaca dan menulis serta memiliki motivasi yang tinggi untuk mendapat kecemerlangan dalam subjek tersebut. Jika dilihat dari kajian Vassiliou, A. (2010)) di England khususnya serta negara Eropah yang lain, pelajar perempuan dilihat mempunyai minat yang lebih tinggi untuk membaca berbanding dengan pelajar lelaki.

Menurut dapatan kajian Nilson, E.L (2017) & Hafiz Muhammad Waqas Rafiq, Tehsin Fatima, Malik Muhammad Sohail & etl (2013), penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak-anak akan memberi impak kepada kemajuan akademik anak-anak dan menjadikan mereka insan berguna di masa hadapan. Berdasarkan kepada penelitian Chowa, G.A.N., Masa R.D., & Tucker. J. (2013), pemantauan ibubapa berkaitan dengan pembelajaran serta galakan pada anak-anak dapat memberi kesan yang positif kepada pencapaian mereka kelak.

Berdasarkan kajian Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman & Nur Atiqah T. Abdullah (2009), & Mohd Samsudin & Shahizan Shaharuddin (2012), guru harus sentiasa bersedia dalam memahami isi kandungan pembelajaran yang nak disampaikan serta menggunakan kaedah yang kreatif dalam menyampaikannya kepada para pelajar agar dapat menarik minat mereka untuk memberi perhatian ketika sesi pembelajaran di dalam kelas. Dalam dapatan kajian Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2015), guru yang mengajar subjek Sejarah harus mempertingkatkan kompetensi mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat para pelajar akan kepentingan mempelajari subjek Sejarah. Menurut kajian Norhayati binti Ishak & Mohd Mahzan Awang (2017), dalam pengajaran dan pembelajaran subjek Sejarah, guru harus melihat kepelbagaian cara yang kebiasaannya para pelajar guna bagi memudahkan para pelajar menyesuaikan sesi pembelajaran dengan keserasian mereka.


Dalam dapatan kajian Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad & Nur Syazwani Abdul Talib (2016) & Azhar Ahmad & Mohd Mahzan Awang (2017), penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dapat meningkatkan minat para pelajar dalam pembelajaran subjek Sejarah yang lebih berkesan di dalam kelas. Menurut penelitian Mohamad Johdi Bin Salleh, & Ariegusrini Bte Agus (2009), penggunaan multimedia khususnya video dapat menyampaikan mesej kepada para pelajar dengan lebih mudah serta mendatangkan minat kepada para pelajar terhadap subjek Sejarah itu sendiri. Malahan, berdasarkan kajian Rosnaini Hj. Mahmud & Mohd. Arif Hj. Ismail (2003), bahan bantuan mengajar (BBM) seperti filem Bukit Kepong dapat memudahkan para pelajar memahami subjek tersebut dengan lebih berkesan melalui filem.

Berdasarkan kajian, Momanyi, J.M., Too, J., & Simiyu, C. (2015), umur pelajar yang lebih muda tidak semestinya mempunyai motivasi yang rendah berbanding pelajar yang berusia daripada mereka. Dalam dapatan kajian Nadeem Saqlain (2015), pelaksanaan pembelajaran yang mempunyai umur yang berbeza perlu kepada persediaan yang rapi di kalangan para guru yang mengajar kelas tersebut. Menurut Song R., Spradlin T.E., & Plucker, J.A. (2009), kelas pembelajaran yang mempunyai kepelbagaian umur dapat dimanfaatkan oleh mereka di antara satu sama lain.

Metod Kajian


Kajian ini telah melibatkan sejumlah 44 orang pelajar PCB Asas 2 yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang berumur 12 – 14 tahun. Sesi soal selidik ini dijalankan ketika para belajar berada di akhir semester 2, sesi pengajian tahun 2017.

Populasi dan Sampel Kajian



Graf 1: Jantina Pelajar PCB Asas 2

Graf 1 di atas menunjukkan sebanyak 61.4% yang mana mewakili seramai 27 orang pelajar perempuan dan sebanyak 37.8%-pula diwakili oleh 17 orang pelajar lelaki yang mana sama-sama terlibat sebagai responden dalam kajian soal selidik ini.



Graf 2: Umur Pelajar PCB Asas 2

Graf 2 tersebut menunjukkan perbezaan umur para pelajar PCB Asas 2 yang terlibat dalam kajian soal selidik ini. Jumlah yang tertinggi adalah sebanyak 84.1% diwakili oleh pelajar yang berumur 14 tahun iaitu seramai 37 orang, diikuti sebanyak 11.4% yang mewakili seramai 5 orang pelajar berumur 13 tahun dan yang paling rendah sekali adalah 4.5% yang mana mewakili seramai 2 orang pelajar yang berumur 12 tahun.

Metod Kajian dan Kaedah Pengumpulan Data

Secara ringkasnya, instrumen kajian telah menggunakan kajian soal selidik yang dibina oleh Johari Ibrahim dalam kajian beliau Kajian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Matapelajaran Sejarah Tingkatan 4 Di SMK Seri Intan. Walaubagaimanapun, kajian soal selidik tersebut telah diubah serba sedikit bagi memenuhi keperluan kajian pengkaji. Dalam kajian soal selidik yang digunakan, ianya menggunakan kaedah kuantitatif yang mana datadata dikumpul adalah berdasarkan kepada kajian soal selidik yang menggunakan *skala likert* dengan 5 pilihan jawapan iaitu 1-5. Persampelan pula dibuat secara bertujuan iaitu dengan

memilih kesemua pelajar PCB Asas 2 iaitu seramai 44 orang yang berumur di antara 12-14 tahun. Analisis data bagi kajian soal selidik ini adalah dengan menggunakan kaedah *T-Test* dan *Anova* bagi melihat perbezaan *skor min* dan *sisihan piawai* para pelajar PCB Asas 2 yang berlainan jantina serta umur terhadap kecenderungan mereka dalam subjek Sejarah Malaysia.

Instrumen Kajian

| Cronbach Alpha | Cronbach's Alpha Based on Standardized Items | N of Items |
|-----------------------|---|-------------------|
| 0.829 | 0.823 | 25 |

Jadual 1: Nilai Cronbach's Alpha Bagi Kebolehpercayaan Item.

Nilai Cronbach's Alpha > 0.7

Berdasarkan Nilai Cronbach's Alpha bagi kajian soal selidik yang dijalankan adalah 0.829. Oleh yang demikian, kajian soal selidik yang telah digunakan kepada para pelajar PCB Asas 2 berkaitan dengan kajian yang bertajuk Tinjauan Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Terhadap Subjek Sejarah Malaysia ini boleh dipercayai.

Penganalisan Data

Setelah kajian soal selidik di kalangan responden yang terlibat selesai, data-data soal selidik dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan persisian SPSS V 20. 0. Analisis yang dilakukan bagi kajian ini adalah analisis *deskriptif* dan *infrensi*. Statistik *deskriptif* digunakan bagi menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah seperti demografi responden bagi mendapatkan nilai *min*, peratusan dan sisihan piawai. Bagi statistik *infrensi* yang digunapakai dalam kajian ini adalah ujian - *t sample* tak bersandar dan Anova. Bagi ujian - *t sample* tak bersandar, ianya digunakan bagi melihat kecenderungan pelajar PCB Asas 2 berasaskan jantina terhadap subjek Sejarah Malaysia. Manakala, ujian Anova pula digunakan bagi melihat kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur terhadap subjek Sejarah Malaysia.


Dapatan Kajian

Analisis Deskriptif dan Infrensi

Kedua-dua analisa *deskriptif* dan *infrensi* telah membantu dalam menjawab persoalan kajian secara terperinci dalam hasil dapatan kajian ini.

Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Dalam Subjek Sejarah Malaysia

Analisis yang dijalankan adalah untuk mengenalpasti kecenderungan pelajar PCB Asas 2 bagi setiap konstruk dalam subjek Sejarah Malaysia.



Graf 3: Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Terhadap Subjek Sejarah Malaysia

Graf 3 di atas menunjukkan hasil analisis bagi setiap konstruk kecenderungan pelajar PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia. Berdasarkan graf tersebut, pengaruh guru terhadap pelajar PCB Asas 2 dalam membina kecenderungan mereka terhadap subjek tersebut menunjukkan skor min yang tertinggi iaitu 88.64%, diikuti dengan pengaruh ibubapa iaitu 70.09%, dan minat pelajar sebanyak 69.27%. Manakala, skor min yang terendah adalah sikap pelajar iaitu 60.74%.

Perbandingan Tahap Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Jantina Terhadap Subjek Sejarah Malaysia.

Ujian-t tidak bersandar telah dijalankan bagi melihat kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan jantina terhadap subjek Sejarah Malaysia. Hasil analisis bagi *ujian-t* tersebut adalah seperti jadual di bawah.

| Minat | Jantina | N | Min | Sisihan Piawai | Sig. |
|------------------|-----------|----|-------------------|-------------------|-------|
| Minat Pelajar | Lelaki | 17 | 0.67529 | 0.193847 | 0.112 |
| | Perempuan | 27 | 0.7037 | 0.146028 | 0.112 |
| Sikap Pelajar | Lelaki | 17 | 0.60588 | 0.158491 | 0.104 |
| | Perempuan | 27 | 0.60833 | 0.115192 | 0.104 |
| Pengaruh Guru | Lelaki | 17 | 0.892436975000000 | 0.071805727000000 | 0.366 |
| | Perempuan | 27 | 0.882539683000000 | 0.083987490000000 | 0.366 |
| Pengaruh Ibubapa | Lelaki | 17 | 0.75529 | 0.088184 | 0.015 |
| | Perempuan | 27 | 0.66667 | 0.153723 | 0.015 |

Jadual 2: Perbandingan Tahap Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Jantina Terhadap Subjek Sejarah Malaysia. (*Ujian-t* sampel tak bersandar)

Signifikan Pada Aras $P < 0.05$

Berdasarkan **Jadual 2** di atas, konstruk pengaruh ibubapa telah menunjukkan perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia iaitu sebanyak 0.015. Berbanding konstruk minat pelajar, sikap pelajar dan pengaruh ibubapa,

ianya tidak menunjukkan apa-apa perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan PCB Asas 2 terhadap subjek Sejarah Malaysia.

| Konstruk | Jantina | Sampel | Skor Min | Sisihan Piawai |
|-----------------|-----------|--------|----------|----------------|
| Minat Pelajar | Lelaki | 17 | 67.529 | 19.3847 |
| | Perempuan | 27 | 70.37 | 14.6028 |
| Sikap Pelajar | Lelaki | 17 | 59.118 | 11.955 |
| | Perempuan | 27 | 58.611 | 8.8615 |
| Pengaruh Guru | Lelaki | 17 | 89.24 | 7.181 |
| | Perempuan | 27 | 88.25 | 8.399 |
| Pengaruh Iubapa | Lelaki | 17 | 75.529 | 8.8184 |
| | Perempuan | 27 | 66.667 | 15.3723 |

Jadual 3: Perbezaan Skor Min Bagi Konstruk Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Jantina dalam Subjek Sejarah Malaysia

Jadual 3 berikut menunjukkan perbezaan hasil skor min bagi setiap konstruk kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 yang berlainan jantina dalam subjek Sejarah Malaysia. Bagi konstruk minat pelajar dalam subjek Sejarah Malaysia, pelajar perempuan menunjukkan minat yang lebih tinggi sebanyak 70.37% berbanding pelajar lelaki iaitu 67.529%. Manakala bagi konstruk sikap pelajar dalam subjek Sejarah Malaysia, pelajar lelaki menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 59.118% berbanding pelajar perempuan iaitu 58.611%. Seterusnya, konstruk pengaruh guru dalam subjek Sejarah Malaysia, pelajar lelaki mempunyai skor *min* yang lebih tinggi iaitu 89.24% berbanding pelajar perempuan iaitu 88.25%. Akhir sekali, konstruk pengaruh ibubapa terhadap subjek Sejarah Malaysia, pelajar lelaki menunjukkan jurang yang agak besar iaitu 75.529% berbanding pelajar perempuan iaitu 66.667%. Berdasarkan analisis ini, pelajar lelaki PCB Asas 2 menunjukkan skor min yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan dalam subjek Sejarah Malaysia bagi konstruk sikap pelajar, pengaruh guru, dan pengaruh ibubapa. Sebaliknya, pelajar perempuan PCB Asas 2 menunjukkan skor min yang lebih tinggi dalam minat pelajar itu sendiri dalam subjek Sejarah Malaysia.

Perbezaan Hubungan Di Antara Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Umur Terhadap Subjek Sejarah Malaysia

Ujian ANOVA telah dijalankan bagi melihat perbezaan hubungan di antara kecenderungan pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur dalam subjek Sejarah Malaysia. Dalam kajian soal selidik ini, terdapat dua orang pelajar yang berumur 12 tahun, lima orang pelajar yang berumur 13 tahun dan tiga puluh tujuh orang pelajar yang berumur 14 tahun yang terlibat yang mana kesemuanya sedang berada di semester akhir bagi Asas 2 tahun 2017. Hasil analisis ANOVA tersebut telah dipaparkan dalam Jadual 4 di bawah.

| Elemen | | Jumlah Kuasa Dua | df | Min Kuasa Dua | F | Sig. |
|---------------------|-----------------|------------------|----|---------------|-------|-------|
| Minat Pelajar | Antara Kumpulan | 648.771 | 2 | 324.385 | 1.21 | 0.309 |
| | Dalam Kumpulan | 10991.957 | 41 | 268.097 | | |
| | Jumlah | 11640.727 | 43 | | | |
| Sikap Pelajar | Antara Kumpulan | 59.807 | 2 | 29.904 | 0.287 | 0.752 |
| | Dalam Kumpulan | 4271.301 | 41 | 104.178 | | |
| | Jumlah | 4331.108 | 43 | | | |
| Pengaruh Guru | Antara Kumpulan | 214.288 | 2 | 107.144 | 1.789 | 0.18 |
| | Dalam Kumpulan | 2454.915 | 41 | 59.876 | | |
| | Jumlah | 2669.202 | 43 | | | |
| Penglibatan Ibubapa | Antara Kumpulan | 301.863 | 2 | 150.932 | 0.783 | 0.464 |
| | Dalam Kumpulan | 7905.773 | 41 | 192.824 | | |
| | Jumlah | 8207.636 | 43 | | | |

Jadual 4.1: Ujian ANOVA: Perbezaan Hubungan Di Antara Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Umur Dalam Subjek Sejarah Malaysia

Signifikan Pada Aras $P < 0.05$

Berdasarkan Jadual 4.1 di atas, semua konstruk kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur dalam subjek Sejarah Malaysia adalah melebihi dari aras signifikan iaitu 0.005. Oleh yang demikian, tahap umur yang berlainan sama sekali tidak mempengaruhi kecenderungan pelajar PCB Asas 2 dalam subjek Sejarah Malaysia.

| Elemen | Umur | N | Skor Min | Sisihan Piawai |
|---------------|----------|----|----------|----------------|
| Minat Pelajar | 12 Tahun | 2 | 58 | 2.8284 |
| | 13 Tahun | 5 | 61.6 | 22.0182 |
| | 14 Tahun | 37 | 70.919 | 15.8507 |
| | Total | 44 | 69.273 | 16.4534 |
| Sikap Pelajar | 12 Tahun | 2 | 53.75 | 8.8388 |

| | | | | |
|---------------------|----------|----|--------|---------|
| | 13 Tahun | 5 | 58 | 16.6208 |
| | 14 Tahun | 37 | 59.189 | 9.2619 |
| | Total | 44 | 58.807 | 10.0361 |
| Pengaruh Guru | 12 Tahun | 2 | 78.57 | 10.102 |
| | 13 Tahun | 5 | 89.71 | 2.556 |
| | 14 Tahun | 37 | 89.03 | 8.039 |
| | Total | 44 | 88.64 | 7.879 |
| Penglibatan Ibubapa | 12 Tahun | 2 | 74 | 2.8284 |
| | 13 Tahun | 5 | 76.8 | 11.4543 |
| | 14 Tahun | 37 | 68.973 | 14.311 |
| | Total | 44 | 70.091 | 13.8158 |

Jadual 4.2: Perbezaan Skor Min Bagi Konstruk Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Umur Dalam Subjek Sejarah Malaysia

Jadual 4.2 di atas menunjukkan perbezaan skor min bagi konstruk kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 yang berlainan umur dalam subjek Sejarah Malaysia. Secara amnya pelajar PCB Asas 2 yang berumur 14 tahun mempunyai skor min tertinggi bagi konstruk minat pelajar iaitu 70.919% dan sikap pelajar sebanyak 59.189%. Manakala para pelajar yang berumur 13 tahun mempunyai skor min tertinggi bagi konstruk pengaruh guru iaitu 89.71% dan penglibatan ibubapa sebanyak 76.8%. Sebaliknya, bagi para pelajar yang berumur 12 tahun pula mempunyai skor min yang terendah bagi kesemua konstruk iaitu minat pelajar (58%), sikap pelajar (53.75%), pengaruh guru (78.57%) dan penglibatan ibubapa (74%).

Perbincangan

Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Terhadap Subjek Sejarah Malaysia

Majoriti responden bersetuju bahawa konstruk pengaruh instruktur memainkan peranan penting dalam membantu para pelajar dalam memahami subjek Sejarah Malaysia. Instruktur dilihat sebagai individu yang paling penting di sekolah dalam membawa kefahaman serta keyakinan pelajar dalam menguasai subjek tersebut. Kreativiti para instruktur dalam pengajaran termasuklah penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai bahan bantuan mengajar (BBM) seperti penggunaan filem merupakan antara metodolgi terbaik dalam pembelajaran subjek Sejarah Malaysia. Ini bersesuaian dengan subjek Sejarah Malaysia yang mana dengan pengolahan melalui penceritaan membuatkan para pelajar lebih berminat untuk tahu serta mengingati fakta-fakta yang disulamkan dalam filem tersebut. Misalnya, filem Bukit Kepong dapat meningkatkan pemahaman pelajar berkaitan topik pembelajaran dalam mengingati fakta-fakta mengikut kronologinya secara lebih berkesan. (Rosnaini Hj. Mahmud & Mohd. Arif Hj. Ismail, 2003) Bagi memastikan kelancaran dan keberkesanan dalam

pelaksanaan metodologi ini, seharusnya persediaan awal di kalangan guru hendaklah dibuat bahkan ia bukanlah sebagai aktiviti sampingan yang tidak ada kaitan dengan kurikulum. (Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007 & Ariegusrini Bte Agus & Mohamad Johdi Bin Salleh, 2009). Oleh yang demikian, para instruktur harus memberi perhatian dalam aspek menguasai isi kandungan subjek tersebut demi memastikan keberlangsungan P&P yang berkesan di dalam kelas. Ini sangat penting bagi memastikan tahap keyakinan dan keselesaan yang tinggi dalam berhadapan dengan para pelajar yang mempunyai pelbagai latar belakang, umur dan kepandaian di dalam kelas. Walaubagaimanapun, hasil dapatan kajian ini sangat berbeza dengan kajian yang dijalankan di daerah Dalat, bahagian Mukah, Sarawak yang mana tiada kaitan sama sekali antara kreativiti guru dengan minat pelajar dalam subjek Sejarah. (Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib, 2016)

Perbandingan Tahap Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Jantina Terhadap Subjek Sejarah Malaysia

Hasil analisa bagi perbandingan tahap kecenderungan pelajar PCB yang berlainan jantina terhadap subjek Sejarah Malaysia menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pelajar lelaki dan perempuan dalam konstruk minat dan sikap pelajar serta pengaruh instruktur melainkan hanya pada konstruk pengaruh ibubapa. Ibubapa amat prihatin pada perkembangan pembelajaran pelajar PCB Asas 2 lelaki dengan memberi banyak galakan dan motivasi. Ini amat penting bagi memastikan pelajar-pelajar ini dapat terus fokus dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, tidak dinafikan akan kelebihan yang terdapat pada pelajar perempuan yang mana mereka lebih fokus dalam pembelajaran berbanding dengan pelajar lelaki terutamanya yang berkaitan dengan subjek yang melibatkan aspek pembacaan. Pelajar perempuan mempunyai kemahiran yang lebih tinggi dalam aspek membaca dan menulis. (Oppong, C.A., 2013) Minat membaca di kalangan anak-anak perempuan berbanding anak lelaki juga disokong oleh Vassiliou, A. (2010) yang mana beliau berkata secara keseluruhannya pelajar perempuan lebih banyak membaca dan berasa seronok dengan aktiviti membaca berbanding pelajar lelaki. Kelebihan yang terdapat pada pelajar perempuan ini telah dibuktikan di pelbagai negara, peringkat umur, masa kajian yang diambil, dan krusus-krusus yang mereka ambil. Oleh yang demikian, keprihatinan ibubapa dalam pembelajaran anak lelaki khususnya bagi subjek ini amat diberi perhatian antaranya dengan memberi galakan antaranya dengan menonton dokumentari atau filem yang berkaitan dengan Sejarah Malaysia serta menyediakan bahan bacaan yang terkini yang lebih moden dan *attractive*.

Kecenderungan Pelajar PCB Asas 2 Yang Berlainan Umur Terhadap Subjek Sejarah Malaysia

Dalam kajian ini, umur pelajar PCB Asas 2 yang berbeza-beza sama sekali tidak mempengaruhi kecenderungan mereka dalam subjek Sejarah Malaysia. Ini bermakna kecenderungan pelajar adalah sama walaupun mereka berada pada umur yang berbeza. Walaupun ada segelintir daripada mereka berumur lebih muda dari kawan-kawan yang lain, mereka tetap boleh menerima pembelajaran dengan baik. Hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Oppong, C.A. (2013), di sekolah tinggi di Kenya, tiada hubungan yang signifikan antara umur yang berbeza dan motivasi seseorang pelajar. Menurut Momanyi, J.M., Too, J., & Simiyu, C. (2015), pelajar yang berumur lebih muda tidak mempunyai perbezaan motivasi dengan pelajar-pelajar yang lebih tua daripada mereka. Ini menunjukkan pelajar PCB Asas 2 boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran yang sedikit berbeza dengan sekolah aliran biasa. Oleh yang demikian, bagi membantu para pelajar yang lebih muda umurnya, pedagogi yang digunakan oleh guru bukan hanya perlu menarik dan kreatif tetapi ianya juga harus mendatangkan keselesaan kepada para pelajar yang lebih muda agar mereka tidak merasakan didiskriminasikan atas faktor umur. Pembelajaran yang mengukur kemampuan pelajar lebih diutamakan dari melihat faktor umur yang berbeza mahupun

kematangan pelajar. Menurut Nadeem Saqlain (2015), kejayaan dalam mengendalikan kelas pembelajaran yang mempunyai pelajar-pelajar yang berbeza umur akan berjaya seandainya para guru mendapat latihan pengajaran yang secukupnya, serta bahan pengajaran yang digunakan adalah yang bersesuaian dan mendapat sokongan daripada masyarakat sekeliling. Guru bukan sahaja diberikan kebebasan mengendalikan P&P di dalam kelas mengikut kemahiran masing-masing malahan para ibubapa juga perlu mengiktiraf tugas guru yang mulia ini. Selain itu, menurut Song R., Spradlin T.E., & Plucker, J.A. (2009), kelas pembelajaran yang mempunyai pelajar yang berlainan umur mempunyai kelebihan yang tersendiri yang mana dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran yang mengambil berat antara pelajar yang pelbagai umur serta menggalakan pelajar yang lebih berusia menjadi mentor serta contoh kepada kawan-kawan yang lebih muda daripada mereka. Melalui persekitaran pembelajaran yang harmoni sebegini ianya mampu menjadikan para pelajar yang berlainan umur untuk terus fokus dalam pembelajaran malahan tidak merasa tergugat atau terancam.

Kesimpulan dan Cadangan

Berdasarkan hasil kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa kecenderungan pelajar PCB Asas 2 dalam subjek Sejarah Malaysia lebih banyak dipengaruhi oleh pengaruh instruktur sendiri. Ini menunjukkan bahawa instruktur telah memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan suasana P&P yang berkesan dengan mengambil kira faktor jantina serta umur mereka di dalam kelas. Bagi mencapai matlamat yang sedemikian, persediaan dari aspek fizikal dan mental harus menjadi pegangan para instruktur setiap masa bagi memastikan P&P yang berkesan dan bermakna dapat dilaksanakan samada di dalam mahupun di luar kelas. Oleh yang demikian, pada masa akan datang diharapkan akan ramai lagi para penyelidik yang dapat meneroka serta memperbanyakkan lagi kajian dalam bidang ini agar ianya dapat memberi manfaat kepada para instruktur khususnya dalam meningkatkan profesionalisme mereka dalam bidang perguruan.

Rujukan

- Abu Yazid Abu Bakar. (2017). Developing gifted and talented education program: The Malaysian experience. *Creative Education*, 8, pp. 1-11.
- Anuar Ahmad, and Siti Haishah Abd Rahman, and Nur Atiqah T. Abdullah. (2009). Tahap keupayaan pengajaran guru Sejarah dan hubungannya dengan pencapaian murid di sekolah berprestasi rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34 (1), hlm. 53-66.
- Chowa, G.A.N., Masa R.D., & Tucker. J. (2013). Parental involvement's effects on academic performance: Evidence from the youth save Ghana experiment. *Children and Youth Services Review*, 35(12), pp. 13-15.
- Mohd Mahzan Awang, Abdul Razaq Ahmad, & Nur Syazwani Abdul Talib. (2016). Penggunaan multimedia dalam pendidikan Sejarah pada abad ke-21 dan hubungannya dengan minat belajar Sejarah. *Jurnal Pemikir Pendidikan*. 7, hlm. 44-56.
- Mohd Samsudin, and Shahizan Shaharuddin. (2012). Pendidikan dan pengajaran mata pelajaran Sejarah di sekolah di Malaysia. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 39 (2), hlm. 116-141.
- Momanyi, J.M., Too, J., & Simiyu, C. (2015). Effect of students' age on academic motivation and academic performance among high school students in Kenya. *Asian Journal of Education and e-Learning*, 3 (5), pp. 337-342.
- Nadeem Saqlain. (2015) A comprehensive look at multi-age education. *Journal of Educational and Social Research*, 5 (2), pp.285-290.
- Nilsson E.L. (2017). Analyzing gender differences in the relationship between family influences and adolescent offending among boys and girls. *Child Indicators Research*, 10(4), pp. 1079-1094.

- Norhayati binti Ishak & Mohd Mahzan Awang. (2017). *The relationship of student learning styles and achievement in History subject. The International Journal and Social Sciences and Humanities Invention*, 4(3), pp. 3372-3377.
- Oppong, C.A. (2013) Gender differences in students' performance in History at senior highschools in Cape Coast. *Journal of Arts and Humanities*. 2 (1), pp. 34-39.
- Rosadah Abdul Majid, Noriah Mohd Ishak, Melor Mohd Yunus. (2009). Kepintaran dan Pintar Cerdas dan Berbakat: Definasi dan Makna. Dlm. Noriah Mohd Ishak, Rosadah Abdul Majid & Siti Fatimah Mohd Yassin. (Penyunting) *PERMATApintar: Pengalaman UKM*. (hlm. 19-32). Selangor: Pusat PERMATApintar™ Negara.
- Rosnaini Hj. Mahmud & Mohd. Arif Hj. Ismail (2003). The value of Bukit Kepong as an educational film: A research. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 2:2 (7), pp. 46-50.
- Siti Fatimah Mohd Yassin, Noriah Mohd Ishak et. al. (2012). The identification of gifted and talented students. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 55, pp. 585 – 593.
- Song R., Spradlin T.E., & Plucker, J.A. (2009) *The advantages and disadvantages of multiage classrooms in the era of NCLB accountability. Education Policy Brief. Center for Evaluation & Education Policy*, 7 (1), pp 1-8.
- Vassiliou, A. (2010). Gender differences in educational outcomes: Study on the measerus taken and the current situation in Europe. Brussels: Education, Audiovisual and Culture Executive Agency.